



RIADAH: Salinawati (empat dari kanan) bersantai bersama keluarga dan sanak saudara di Pantai Puteri, Tanjung Kling.

# Pantai Puteri makin popular

Kawasan perkelahan di Tanjung Kling lengkap pelbagai kemudahan awam jadi lokasi penting promosi lawat Melaka



Oleh Shukor Kasim

**M**ELAKA: Dari sebuah kawasan yang 'suram' dan kurang menerima kunjungan pelawat, Pantai Puteri di Tanjung Kling dekat sini, kini berubah wajah menjadi antara destinasi pelancongan paling popular, yang dikunjungi pelancong dalam dan luar negara.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati, pantai berkenaan semakin menjadi tumpuan terutama pada hujung minggu, dengan pelawat sama ada datang untuk bersiar-siar, mandi manda, berkhemah, menikmati hidangan di medan selera atau bersantai bersama keluarga.

Apa yang lebih menarik pengunjung ialah kawasan tepi pantai berkenaan dilengkapi pelbagai kemudahan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Ini termasuklah taman permainan kanak-kanak, pentas budaya, lampu limpah, tandas awam, padang bola sepak dan bola jaring pantai, selain medan selera.

Sebelum ini, Pantai Puteri tidak semeriah seperti sekarang kerana hanya terdapat beberapa pondok kecil bagi nelayan menaikkan hasil tangkapan laut, di samping gerai usang menjual hasil laut serta peniaga menjual makanan serta minuman.

Kini pantai yang jaraknya hanya kira-kira 11 kilometer dari pusat Bandaraya Melaka sudah jauh berubah dan semakin menggamit

kedatangan pengunjung.

Ia adalah atas keprihatinan kepimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, yang amat komited dan berwawasan mahu menjadikan pantai sebagai antara lokasi penting dalam promosi pelancongan negeri ini.

Usaha kerajaan negeri menanam lebih 2,000 pokok rhu di sepanjang empat kilometer pantai berkenaan menjadikan Pantai Puteri yang dulunya terlalu terdedah kepada cuaca panas, menjadi kawasan yang lebih redup dan menghijau.

Aktiviti riadah seperti berkhemah sering diadakan oleh pelajar sekolah serta siswa Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di pantai berkenaan.

Ia turut menjadi tumpuan kaki pancing tanpa mengira siang atau malam, selain menjadi lokasi tetap pertandingan memancing GP Joran anjuran Unit Joran, Berita Harian Sdn Bhd bersama kerajaan negeri yang sentiasa mendapat sambutan hangat daripada kaki pancing seluruh negara.

Di pantai itu juga, orang ramai boleh menyaksikan lebih dekat aktiviti nelayan mendaratkan hasil tangkapan laut, selain melihat mereka mengait jaring dan menjemur ikan kering.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Pantai Kundur, Datuk Ab Rahaman Ab Karim, berkata pelbagai usaha dilakukan kerajaan bagi menarik lebih ramai pelancong ke pantai berkenaan.

Katanya, antara program yang kerap dijalankan pada hujung dan malam minggu adalah persembahan kebudayaan oleh pelbagai pasukan kesenian yang ada di negeri ini.

Selain itu, beberapa hotel dan chalet dibina bagi kemudahan orang ramai yang mahu menginap di situ.

Seorang pengunjung, Saliwati Sulaiman, 30, dari Taman Beringin, Jinjang Utara, Kuala Lumpur, memuji keindahan pantai terbabit kerana keadaannya yang bersih sepanjang masa.

Katanya, sudah tiga kali dia berkunjung ke situ dan mendapati pelbagai kemudahan berjaya dipertingkatkan pihak berkuasa seperti tandas awam.

Bagaimanapun dia berpendapat kemudahan tong sampah yang disediakan masih lagi berkurangan dan perlu ditambah di sepanjang pantai berkenaan, supaya orang ramai tidak membuang sampah sembarangan.


Anggota tentera berasal dari Sarawak, Lister a/k Abi, 29, yang kini bertugas di Melaka pula berkata, jika tidak bertugas, dia sering ke situ untuk memenuhi hobinya memancing ikan terutama pada hujung minggu.

"Jika bernasib baik kita tidak akan pulang dengan tangan kosong, dapat juga sembilang atau pari," kata beliau.

Beliau mencadangkan supaya lebih banyak tempat duduk disediakan di tepi pantai berkenaan kerana pada masa sekarang pengunjung kebanyakannya terpaksa duduk di tembok batu atau atas rumput.

## FAKTA

### Antara kemudahan disediakan di Pantai Puteri



- Taman permainan kanak-kanak
- Pentas budaya
- Lampu limpah
- Tandas awam
- Padang bola sepak pantai
- Padang bola jaring padang
- Medan selera

**“**Kita sering menganjurkan persembahan dan pertandingan lagu irama 60-an dan lagu asli seperti dondang sayang yang berjaya menarik minat golongan dewasa serta belia”

**Ab Rahaman Ab Karim**  
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan,  
Kebudayaan dan Warisan Melaka



TARIKAN: Kemudahan taman permainan ceriakan kanak-kanak.



PANORAMA MENARIK: Pengunjung berpeluang melihat kegiatan nelayan di Pantai Puteri.